

15 OCT 2001

LEAD Mahathir-Antraks

MALAYSIA SIASAT BILA DAPAT MAKLUMAT MENGENAI ANTRAKS, KATA PM

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan memulakan siasatan sebaik sahaja menerima laporan mengenai kejadian surat yang dikirim dari negara ini ke pejabat Microsoft Corp di Reno, Nevada, Amerika Syarikat dan dilaporkan mengandungi bakteria pembunuh antraks.

"Sebaik sahaja kita dapat maklumat itu, kita akan lakukan siasatan," katanya kepada pemberita selepas rakaman program "Bersama Perdana Menteri" di Angkasapuri. Program itu akan disiarkan melalui TV1 pukul 9 malam ini.

Pegawai-pegawai di Amerika Syarikat dilaporkan telah mengesahkan bahawa ujian yang dilakukan terhadap sepucuk surat yang disyaki mengandungi antraks dan yang dikirimkan dari Malaysia ke Reno, telah menunjukkan keputusan positif.

Dr Mahathir berkata bahawa pihak-pihak berkuasa Malaysia belum diberikan maklumat mengenai insiden itu, dan menegaskan: "Mereka tidak memberikan apa-apa maklumat kepada kita."

Ketika ditanya sama ada sebarang siasatan awal dilakukan (berdasarkan kepada laporan berita), beliau berkata: "Saya tak tahu."

Dalam rancangan itu, Dr Mahathir ditemuramah mengenai kesan serangan 11 Sept terhadap Pusat Dagangan Dunia di New York dan Pentagon di Washington, kepada keadaan ekonomi, politik dan keselamatan Malaysia.

Ketua Komunikasi Majlis Tindakan Ekonomi Negara Abdul Rahman Sulaiman bertindak selaku moderator temuramah itu, dengan Pengarang Berita Kanan Utusan Malaysia, Abdul Aziz Ishak dan Pengarang Berita Kanan The Star, Wong Chun Wai sebagai anggota panel.

Dalam temuramah itu, Dr Mahathir berkata ada pihak tertentu ingin memberikan gambaran yang tidak tepat mengenai Malaysia dan cuba menggambarkan negara ini sebagai sebuah negara Islam yang ekstrim.

"Saya tidak tahu berkenaan dengan surat ini sama ada benar dari Malaysia atau telah kena antraks semasa dalam perjalanannya dari Malaysia ke Amerika atau terdapat di Amerika sendiri," katanya ketika menjawab soalan yang diajukan mengenai dakwaan bahawa sepucuk surat mengandungi antraks dikirim dari Malaysia ke Amerika Syarikat.

Mengenai demonstrasi yang diadakan oleh anggota Pas di hadapan kedutaan Amerika di sini, Dr Mahathir berkata ia adalah satu perkara yang amat menyedihkan sebab ia menunjukkan orang Islam hanya mampu berdemonstrasi kerana kecewa tidak dapat menangkis sesuatu serangan terhadap orang Islam.

Beliau berkata: "Apakah kita boleh menyebabkan serangan ke atas Afghanistan dihentikan kerana kita tunjuk sepanduk. Kita sepatutnya membangunkan negara kita menjadi negara maju yang lebih berpengaruh di arena antarabangsa. Itu pendekatan negara kita sekarang."

-- BERNAMA

AFY AKT MAI